

13 NOV 1999

MCA NS MINTA JANGAN JADIKAN ISU SIAPA BERTANDING DI LOBAK

SEREMBAN, 13 Nov (Bernama) -- Setiausaha MCA negeri Datuk Hon Choon Kim hari ini meminta semua pihak supaya tidak menjadikan sebagai isu berhubung parti komponen Barisan Nasional (BN) mana yang akan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri kawasan Lobak.

"Apa yang penting ialah kemenangan BN," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Pada pilihan raya umum lepas, BN memperuntukkan kawasan itu kepada Gerakan tetapi calon BN Wong Bee Kar tewas kepada calon DAP Khoo Seng Hock. Bagaimanapun selepas itu Khoo menyertai MCA.

Keadaan ini menyebabkan MCA dan Gerakan masing-masing dilaporkan ingin bertanding di kawasan itu.

Hon berkata perkara itu akan ditentukan oleh Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MCA akan sentiasa menghormati keputusan yang akan dibuat serta memberi sokongan walaupun kawasan itu kelak diperuntukkan kepada Gerakan.

"Demi semangat perpaduan dan setiakawan di antara parti komponen BN saya yakin isu ini akan dapat diselesaikan dengan baik," kata beliau.

-- BERNAMA
RP AKD